


PENCEGAHAN AWAL DEMAM DENGGI DAN JANGKITAN RABIES



Terdapat rabies berisiko terkena akibat gigitan anjing liar di Kedah.



Kebanyakan anjing yang dimusnahkan ialah anjing liar dan 19 ekor daripadanya dilaporkan oleh pihak berwajib mempunyai tanda positif menunjukkan tanda klinikal rabies. Berdasarkan kes jangkitan demam denggi dan rabies yang melanda negara, semua pihak perlu mengambil perhatian serius mengenai tahap bahaya penyakit tersebut yang mampu membawa maut sekiranya langkah pencegahan serta rawatan awal tidak diambil. Semua pihak perlu lebih berhati-hati serta mengambil langkah yang sewajarnya supaya tidak terkena jangkitan. Aspek kebersihan diri serta kawasan sekeliling memainkan peranan yang penting bagi memastikan tiada tempat yang menjadi kawasan pembiakan nyamuk yang menjadi punca wabak demam denggi, terutamanya nyamuk aedes.

Pihak yang berkaitan, terutamanya KKM, perlu menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang sedia ada bagi membendung penularan demam denggi yang didapati berada pada tahap yang membimbangkan melalui Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154), iaitu tindakan undang-undang dikenakan terhadap mereka yang bertanggungjawab membiarkan premis mereka digunakan sebagai tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pada masa yang sama, kerajaan juga mempertimbangkan cadangan untuk meningkatkan kadar kompaun yang tersabit dengan kesalahan di bawah Akta 154 bagi tujuan pengawalan serta pencegahan demam denggi dengan lebih berkesan. Pada masa ini, jumlah kompaun yang dikenakan terlalu kecil serta tidak memadai bagi membendung kes tersebut.

Seksyen 25 Akta 154 tersebut memperuntukkan kuasa untuk mengkompaun seseorang ketua pengarah, seseorang pegawai kesihatan, seseorang inspektor atau seseorang pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh ketua pengarah boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta 154 tersebut atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta 154 dan yang ditetapkan melalui peraturan yang dibuat di bawah Akta 154 sebagai kesalahan yang boleh dikompaun, dengan membuat tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan untuk mengkompaun kesalahan dan apabila dibayar amaun yang tidak melebihi RM500 kepada ketua pengarah, pegawai kesihatan, inspektor atau seseorang pegawai awam yang diberi kuasa sedemikian dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

Walau bagaimanapun, jumlah kompaun maksimum sebanyak RM500 tersebut dilihat kecil serta tidak sesuai untuk

dijadikan sebagai jumlah kompaun pada masa ini. Jumlah tersebut perlu dinaikkan supaya orang ramai serta pihak yang terlibat lebih memandang serius terhadap isu penyebaran penyakit demam denggi. KKM juga disarankan menggunakan saluran media untuk memberikan didikan serta kesedaran terhadap masyarakat mengenai bahaya denggi serta langkah yang perlu diambil bagi membendungnya. Usaha kesedaran serta pendidikan secara berterusan perlu diberikan kepada masyarakat umum supaya semua pihak dapat mengetahui isu yang berkaitan dengannya, terutama punca penyakit serta cara membendung penyebarannya. Orang awam juga perlu mengenal pasti tanda atau gejala jangkitan demam denggi serta berjumpa dengan doktor perubahan atau pakar kesihatan dengan segera untuk tujuan rawatan.

Mengikut KKM, biasanya demam denggi terjadi pada hari ketiga hingga hari ke-14 hari selepas digigit nyamuk yang dijangkiti penyakit, dan jangkitan berlaku dalam tempoh antara empat hari hingga tujuh hari. Selalunya demam denggi bermula dengan demam kuat yang mengujat, sakit kepala yang teruk, sakit pada bahagian belakang mata serta otot dan sendi. Ruam merah pada kulit juga boleh terjadi.

Bagi membendung masalah penularan jangkitan anjing gila atau rabies pula, semua pihak perlu mengambil langkah keselamatan, terutamanya ketika menyentuh haiwan peliharaan yang berisiko tinggi yang membawa penyakit rabies.

Semua pihak harus berhati-hati dengan haiwan liar yang berkeliaran di kawasan sekitar. Mana-mana haiwan yang ditemukan berada dalam keadaan kesihatan yang mencurigakan perlu dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, majlis perbandaran atau mana-mana agensi yang bertanggungjawab untuk menangkap haiwan tersebut. Individu yang memelihara haiwan yang berisiko tinggi dijangkiti penyakit rabies juga perlu lebih peka terhadap status kesihatan haiwan serta membawanya ke klinik haiwan untuk mendapatkan pengesanan tahap kesihatan.

Semua pihak perlu mengenal pasti tanda awal jangkitan penyakit rabies, seperti rasa bimbang, sakit kepala, demam, lesu, dan perubahan deria di sekitar tempat gigitan. Gejala lain yang timbul juga termasuklah mudah terangsang, berhalusinasi, dan berasa takut terhadap tiupan angin. Sesetengahnya berasa gerun atau benci akan air disebabkan kekejangan otot kerongkong yang sakit ketika menelan.

Pada peringkat seterusnya, pesakit bertambah bercelaru, mengalami sawan hingga dapat membawa maut. Rawatan awal perlu dilakukan oleh pesakit untuk mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku. Penguatkuasaan undang-undang juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan kawalan penyebaran penyakit ini tidak menular, seperti yang termaktub dalam Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk mengambil langkah yang difikirkan perlu bagi mengatasi masalah rabies, seperti Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila seperti yang diperuntukkan melalui seksyen 42 Akta 647. ■

Sejak akhir-akhir ini, kita didedahkan kepada celbagai penyakit yang mampu mengancam kesihatan, seperti demam denggi dan yang terbaharu, jangkitan penyakit anjing gila atau rabies. Penyakit demam denggi, ialah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk Aedes aegypti yang sudah dijangkiti.

MUZAFFAR SYAH MALLOW

Petikan dari Majalah Undang-Undang dan
Lembaga Suruhanjaya Muzafkar

LEBIH daripada 100 buah negara di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika, Amerika Timur Mediterranean dan Pasifik Barat dilaporkan mengalami masalah jangkitan demam denggi.

Penyakit rabies pula disebabkan sejenis jangkitan virus akut. Rabies terdapat pada tubuh haiwan di kebanyakan negara di seluruh dunia. Kebanyakan kes jangkitan manusia berlaku di negara membangun. Di kawasan yang biasa terdapat jangkitan rabies (kawasan endemik), pelawat berisiko mendapat jangkitan jika berhubung dengan haiwan liar atau haiwan peliharaan termasuk anjing dan kucing.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengadakan kegiatan gotong-royong secara besar-besaran secara serentak di seluruh negara berikutan peningkatan kes demam denggi berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014. Menurut KKM, jumlah terkini kumulatif kes yang melibatkan penularan penyakit demam denggi di seluruh negara dari Januari hingga 12 September 2015 ialah sebanyak 85 488 berbanding dengan 70 337 kes bagi tempoh sama pada tahun lalu.

Sementara itu, jumlah kematian yang berlaku sebagai akibat demam denggi sehingga 12 September 2015 ialah sebanyak 234 kes berbanding dengan 133 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2014. Selain peningkatan jumlah jangkitan dan kematian kerana demam denggi, jumlah kes gigitan anjing terhadap manusia dan bilangan anjing yang dimusnahkan dilaporkan semakin meningkat disebabkan kebimbangan penularan jangkitan rabies, terutamanya di utara Semenanjung, seperti Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kes gigitan anjing terhadap manusia meningkat kepada 59 pada pertengahan September lalu dengan Perlis mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 27 kes, diikuti Pulau Pinang sebanyak 20 kes dan Kedah sebanyak 12 kes. Selain itu, sebanyak 2140 ekor anjing dilaporkan dimusnahkan di tiga buah negeri tersebut yang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies pada 17 September lalu. Sebanyak 1604 ekor anjing dilaporkan dimusnahkan di Kedah, 293 ekor di Perlis dan 243 ekor di Pulau Pinang.